

**PSM: Hentikan semua pindaan akta pekerja  
Malaysiakini.com  
August 19, 2010**

Parti Sosialis Malaysia (PSM) mendesak kerajaan menghentikan kesemua pindaan akta yang meibatkan kepentingan pekerja kerana ia didakwa lebih menindas dan mengurangkan hak-hak sedia ada mereka.

Pengerusi PSM Dr Nasir Hashim mendakwa, cadangan pindaan Akta Pekerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 itu hanya memberi kelebihan kepada majikan.

"Rakyat menderita kerana hak mereka akan ditarik balik," katanya yang juga ADUN Kota Damansara.

"(Kita) kembali ke zaman penghambaan sedangkan kita menganggap pekerja sebagai tulang belakang negara dan bukan komoditi."

PSM sebaliknya mendesak kerajaan sekali lagi memperkenalkan akta gaji minimum, pendaftaran automatik dalam kesatuan sekerja dan mengutamakan gaji pekerja daripada pembayaran hutang syarikat.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/140515>